

# Ikan laga dapat permintaan tinggi

UM 21/9/2024 PG 34

**SERDANG:** Penjualan ikan laga di laman perikanan mampu raih sebanyak RM3,000 sehingga hari kesepuluh pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Penjual ikan laga, Muhammad Afiq Aizad, 21 berkata, ramai pengunjung yang hadir ke laman perikanan akan membeli sekurang-kurangnya tiga ekor untuk setiap seorang.

Katanya lagi, harga bagi seekor ikan laga yang paling murah adalah RM3 dan paling mahal mencecah RM150.

“Spesies yang kami jual dan menarik perhatian pengunjung

adalah spesies ‘Halfmoon’ atau dikenali sebagai ikan ekor kembang dan spesies fancy.

“Sepanjang berlangsung MAHA pada hari kesepuluh ini kami berjaya mengutip sebanyak RM3,000,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Muhammad Afiq, selain ikan laga, mereka turut menjual pelbagai jenis ikan antaranya ikan siakap air tawar, ikan

MAHA 2024 kini sedang berlangsung sempena dengan 100 kali penganjurannya hanya berbakı dua hari sebelum penutupannya pada 22 September ini di Maeps, Serdang.



**GELAGAT** pengunjung ketika melihat ikan hiasan di Laman Perikanan MAHA 2024 di MAEPS Serdang, semalam.